

Cara untuk menghubungi kami:

1. TERUS HADIR KE ASRC FOOTSCRAY

Kami tidak menawarkan bantuan guaman kepada mereka yang terus hadir.

Untuk menghubungi pasukan guaman kami sila hubungi: **03 9274 9889**

Alamat: Level 2, 214–218 Nicholson Street, Footscray

Hari: Isnin, Selasa, Khamis, Jumaat

Waktu pejabat pusat dibuka: 10.00 PAGI – 4.00 PETANG

(Jika anda baru terlibat dengan ASRC, kami sarankan supaya anda tiba awal)

2. KETAHUI LEBIH LANJUT

Laman web: <http://asrc.org.au/get-help/>

Telefon: 03 9326 6066 (disebabkan bilangan panggilan yang sangat tinggi, kami tidak selalu boleh menjawab semua panggilan)

Perkara yang anda perlu bawa:

SEBANYAK DOKUMEN YANG ANDA ADA:

- Dokumen-dokumen visa
- Dokumen pengenalan diri
- Penyata bank (untuk perbelanjaan makanan, bantuan kewangan dan bantuan farmasi)
- Bil utiliti (untuk bantuan kewangan)
- Dokumen berkenaan dengan penyewaan rumah (untuk bantuan perumahan)
- Dokumen berkenaan dengan kesihatan (untuk bantuan perumahan dan kesihatan)

Pihak ASRC mengiktiraf kaum Peribumi dan Kepulauan Torres Strait sebagai Penduduk Asal dan Penjaga Tradisional tanah di tempat kami menetap, belajar dan bekerja setiap hari. Kami memberi penghormatan kepada mereka, adat, kebudayaan dan Ketua mereka sebelum ini dan pada masa kini. Kami mengiktiraf kedaulatan dan bumi Kaum Asal tidak pernah hilang. Bumi ini adalah dan sentiasa milik kaum Peribumi. Sebagai sebahagian daripada komitmen kami kepada keadilan Kaum Asal, kami menyokong Perjanjian untuk negeri Victoria.



ASRC bersifat
LGBTQIA+
terangkum

**Terima kasih kerana
menyertai komuniti
ASRC.**

SELAMAT DATANG ke ASYLUM SEEKER RESOURCE CENTRE

*Mencari suaka
ialah hak asasi
manusia*

📍 Level 2, 214–218 Nicholson St,
Footscray, VIC 3011

☎ 03 9326 6066

➡ asrc.org.au



Siapakah kami?

1. BADAN BUKAN KERAJAAN

Kami tidak mengambil sebarang peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan.

2. BERSIFAT BUKAN UNTUK KEUNTUNGAN

Kami hanya bergantung kepada **derma** daripada ahli **komuniti** untuk menjalankan operasi dan memberikan perkhidmatan. Sebarang keuntungan yang diraih **akan dilaburkan semula** dalam perkhidmatan kami.

3. ORGANISASI HAK ASASI MANUSIA

Kami merupakan organisasi hak asasi manusia **paling besar** di Australia yang memberikan **bantuan** kepada mereka yang mencari suaka.



Apakah kepercayaan kami?

1. KEADILAN

Kami berdedikasi untuk **menyokong** hak **asasi** mereka yang mencari suaka di Australia.

2. KEADILAN

Kami berusaha untuk **mengubah ketidakadilan** dasar Kerajaan Persekutuan.

3. KETERANGKUMAN

Kami **memperkasakan** hak **asasi** mereka yang mencari suaka dan berkempen **di samping** komuniti pencari suaka

Siapakah yang kami sokong?

MEREKA YANG MENCARI SUAKA

Perkhidmatan kami menyokong mereka **yang berada dalam proses mencari suaka** dalam kalangan komuniti Australia. Kami juga memberikan perkhidmatan sokongan kepada mereka yang telah **ditahan di luar pesisir** oleh Kerajaan Australia.

DENGAN HALANGAN TERBESAR UNTUK MENDAPATKAN HAK ASASI MEREKA

Walaupun kami ingin menyokong **seramai orang yang mungkin**, tahap keperluan sentiasa **melebihi sumber yang kami ada** sebagai organisasi kebajikan. Oleh itu, kami **mengutamakan** mereka yang menghadapi **cabaran terbesar** dalam merealisasikan hak mereka bagi perkhidmatan kami.

Maklumat & Nasihat

Kami memberikan maklumat mengikut keperluan anda dan menyokong anda untuk berhubung dengan perkhidmatan lain. *Bincang dengan pasukan Penyambut kami untuk mengakses ini.*

Bank makanan

Kami memberikan akses kepada makanan dan barang keperluan. Bincang dengan para Penyambut untuk mengakses ini.

Perkhidmatan Guaman

Kami menawarkan perkhidmatan nasihat/ bantuan guaman.

Kami tidak menerima pengunjung tanpa temu janji.

Nombor telefon: 03 9274 9889

**Isnin, Selasa, Khamis & Jumaat
10:00 PAGI – 12.30 TENGAH HARI**

Bantuan Sokongan Kritikal

Kami boleh memberikan sesetengah orang akses kepada bantuan kewangan dan sokongan perumahan bagi jangka pendek. Bincang dengan para Penyambut untuk mengakses ini.

Sokongan

Memperjuangkan hak mereka yang mencari suaka, termasuk hak untuk bekerja, belajar, proses visa yang adil dan perlindungan yang menyeluruh.

Perkara yang anda boleh jangkakan daripada pihak kami:

1. Tempat yang menerima kedatangan anda secara terbuka, mementingkan komuniti dan sokongan
2. Akses kepada maklumat
3. Bantuan untuk menjaga kesejahteraan fizikal, mental dan sosial anda
4. Jati, berani dan bantuan usaha sama

Apakah yang kami lakukan?

Makanan untuk Komuniti

Kami memberikan makanan panas kepada mereka yang mencari suaka pada hari **Isnin, Selasa Khamis & Jumaat 12.30 TENGAH HARI – 1.30 TENGAH HARI**

Perkhidmatan Kesihatan

Kami boleh menghubungkan anda dengan Pengamal Perubatan Umum/ Doktor, farmasi, imunisasi, kesihatan berkaitan, kesihatan mental, penjagaan kesihatan mata, kesihatan wanita dan perkhidmatan rujukan.

Nombor telefon: 03 9274 9898

Pekerjaan & Pendidikan

Kami menawarkan sokongan dari segi pekerjaan, pendidikan dan latihan. Bincang dengan para Penyambut untuk mengakses ini.

Memperkasakan Wanita

Kami menyokong wanita yang mencari suaka untuk membina kemahiran dan kenalan yang menguatkan penyertaan mereka dari segi sosial dan ekonomi.

Nombor telefon: 03 9274 9826